



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.8/2023  
PADA 5 SEPTEMBER 2023 (SELASA) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT...

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Datuk Haji Asna bin Mohd Amin, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
  - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
  - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
  - VII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
  - VIII. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada llahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.
4. Terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi kepada Majlis dalam memastikan segala perancangan dapat direalisasikan dengan semangat kerja berpasukan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Alhamdulillah, pasca pilihanraya negeri yang telah berlangsung pada Ogos yang lalu dapat dilaksanakan dalam keadaan yang aman dengan tanpa sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kesemua wakil rakyat yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan pada **Penggal ke-15** ini.
6. Mewakili pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada **YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun** atas pelantikan sebagai **Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus** dan barisan **Exco-Exco Kerajaan Negeri Sembilan** yang telah mengangkat sumpah pada 24 ogos yang lalu. Dengan lantikan ini akan memacu lebih

banyak lagi kejayaan dan kecemerlangan kepada Negeri Sembilan Darul Khusus. In Shaa Allah.

7. Terima kasih juga kepada dua orang pegawai MBS, TPR Mohd Daud bin Ahmad & En Saiful bin Saadon yang menjadi RO dan semua team MBS yang terlibat di Dun Nilai & Dun Sikamat. Ini adalah pengalaman yang tidak ternilai dan Majlis akan terus memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai muda dalam meningkatkan pengalaman dan tahap pendedahan pegawai-pegawai di MBS supaya dikenali peringkat Negeri.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

8. Pada 31 Ogos yang lalu telah diadakan sambutan Hari Kebangsaan di setiap peringkat negeri & kebangsaan. Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum semuanya tidak mahu ketinggalan untuk menghadiri dan mengikuti sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan.
9. Sambutan Hari Kebangsaan 2023 peringkat Negeri Sembilan yang telah berlangsung dengan jayanya di Jalan Yam Tuan, Seremban turut mendapat sambutan yang luar biasa apabila lebih daripada 20,000 pengunjung hadir memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga bandar raya yang hadir dan terima kasih kepada kakitangan MBS yang terlibat dalam kontinjen perarakan MBS yang menyertai perbarisan tempoh hari. Pengorbanan & khidmat tuan-puan amat saya kagumi & hargai.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

10. Pada 30 Ogos yang lalu telah berlangsung Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang di sempurnakan oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.
11. MBS turut mengikuti Amanat Perdana ini dengan menghantar pegawai-pegawai ke PICC dan mengikuti secara siaran maya di SUK NS & di MBS agar semua warga kerja tidak ketinggalan mengikuti Amanat Perdana ini.
12. YAB Perdana Menteri, mengajak seluruh lapisan masyarakat memaknai kemerdekaan negara dengan jiwa dan pemikiran merdeka. Dalam Majlis Amanat Perdana sempena Hari Kebangsaan 2023, beliau turut menjelaskan, "**Segala kuasa yang ada di peringkat kecil kampung sehingga ke Pejabat Perdana Menteri (PMO) mestи melahirkan jiwa yang merdeka,**" iaitu memaknai merdeka bermaksud daripada pimpinan tertinggi sehingga rakyat harus sedar bahawa bumi bertuah Malaysia merupakan satu amanah yang perlu dipertanggungjawabkan.
13. Bersempena dengan tema Hari Kemerdekaan kali ke 66 tahun ini "**Malaysia Madani : Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan**" YAB Perdana Menteri juga menegaskan bahawa perpaduan yang terbina

sejak dari dahulu mestilah dikekalkan dan disemat. Kemerdekaan yang dinikmati hari ini adalah hasil daripada perpaduan Melayu, Bumiputera, Cina, India, suku kaum Sabah dan Sarawak harus dipertahankan.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

## **PELAPORAN JABATAN KEWANGAN**

14. Sehingga 31 Ogos 2023, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (RM122.15 Juta)

Prestasi = **RM111.56 Juta (77.63%)**

(b) Sasaran 30% Kutipan Tuggakan (RM25.12 Juta)

Prestasi = **RM14.36 Juta (17.15%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142.10 Juta)

Prestasi = **RM120.42 Juta (84.74%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205.50 Juta)

Prestasi = **RM175.43 Juta (85.37%)**

(e) Belanja Mengurus (RM213.24 Juta)

Prestasi = **RM130.73 Juta (61.31%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM15.74 Juta)

Prestasi = **RM2.88 Juta (18.34%)**

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

## **PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

15. Sehingga 3 Ogos 2023, MBS telah menjalankan aktiviti ;

- Kawalan *fogging* di **52,119** buah premis
- *ULV* di **55,805** buah premis
- *Larvaciding* di **42** lokaliti
- *Source reduction* di **47** lokaliti
- Gotong royong di **87** buah taman
- **245** aktiviti sanitasi & disinfeksi

16. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS sehingga 1 Ogos 2023 mencatatkan;

**a. Tanah Perkuburan Kristian Sendayan**

24 kematian Covid-19 dan 207 kematian biasa,

**b. Tanah Perkuburan Islam Ainsdale**

542 kematian covid-19 dan 385 kematian biasa,

**c. Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2**

724 kematian biasa,

**d. Tanah Perkuburan Islam Nilai** yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini sehingga 1 Ogos 2023.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian,

17. Satu Sesi Temuduga gerai / pasar Seremban Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan pada 11 Julai 2023 & 13 Julai 2023 bertempat di Bilik Pameran, Dewan MBS dan di Bilik Mesyuarat Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutaran MBS Cawangan Nilai. Pada 11 Julai 2023 seramai 40 peserta yang hadir dan 34 telah berjaya dalam sesi temuduga tersebut. Manakala pada 13 Julai 2023 seramai 38 peserta yang hadir dan 29 telah berjaya dalam sesi temuduga tersebut untuk sesi pagi dan petang.
18. Beberapa infra juga telah siap dan akan siap dalam masa terdekat ini.
  - I. Gerai di Pasar Seremban Jaya – SIAP
  - II. Kiosk di Zeemart, Sikamat – SIAP
  - III. 50 kiosk di seluruh Seremban – AKAN SIAP
  - IV. Pasar Ampangan – AKAN SIAP

Mohon JPKP untuk menyediakan senarai penjaja & peniaga yang akan masuk di tempat-tempat ini dan saya mohon agar Setiausaha untuk mempengerusikan mesyuarat berkaitan perkara ini.

*SUMBER : JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKUTARAN*

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

## **PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

19. Bagi memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah keperluan latihan iaitu **A.S.K** ; (ATTITUDE, SKILL, KNOWLEDGE) Pada 6 hingga 8 Ogos 2023, MBS telah mengadakan **Program ‘Certified Lab Profile Practitioner’ ANLP Majlis Bandaraya Seremban** di Port Dickson yang melibatkan Ketua-Ketua Jabatan & Unit MBS. Program ini dapat mendedahkan kepada pegawai berkenaan teknik - teknik mengawal emosi dan komunikasi untuk diperaktikkan dalam lapangan kerja dan tugas sehari-hari melalui konsep *Neuro Linguistic Programming* (NLP) dan Meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai untuk berdaya sumber dengan idea - idea yang berasas dan baru sejajar dengan keperluan semasa.
  
20. Selain itu, telah diadakan **Bengkel Pengurusan Fail & Rekod** pada 25-26 Julai 2023 di Klana Resort, Seremban. Bengkel ini bertujuan bagi mengenalpasti konsep dan perundangan pengurusan rekod mengikut Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) dan melaksanakan serta mengaplikasikan pengurusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia. Bengkel ini adalah prasyarat **DDMS** (*Digital Document Management System*). **DDMS** adalah *flagship paperless government* ia adalah satu daripada elemen Bandar Pintar yang perlu di capai MBS dalam masa terdekat.

SUMBER : JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

## **PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN**

21. Pada 27 Julai 2023, telah diadakan Majlis Bacaan Yaasin di Masjid Kariah Taman Rasah Jaya. Ini merupakan kesinambungan program Majlis Bacaan Yaasin sempena ulang tahun ke-3 Majlis Bandaraya Seremban yang telah dilaksanakan pada sebelum ini, bagi mengimarahkan masjid-masjid di Seremban dan dapat bertemu dengan warga kariah bagi membincangkan berkenaan perkara atau isu yang berlaku di sekitar kawasan kariah.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

22. Selain itu, pada 29 & 30 Julai telah diadakan Program **Negeri Sembilan International Dancesport Championship 2023 & 2nd International Dance & Music Cross Cultural 2023** di Klana Resort, Seremban & Kampung Kolam Air, Pantai. Program ini telah disempurnakan oleh **YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Menteri Belia & Sukan Malaysia.**
23. Program ini telah menerima sambutan lebih kurang 300 orang peserta dari negara seperti Rusia, China, Taiwan, Thailand, Filipina, Vietnam, Indonesia dan Cambodia. Jabatan Kesenian & Kebudayaan Negeri Sembilan turut memberikan pendedahan dan latihan kepada peserta yang terlibat. Selain itu, aktiviti pertunjukan kebudayaan seperti aktiviti

menoreh pokok getah, menyumpit, tarian sewang dan memasak nasi di dalam buluh antara aktiviti yang diadakan.

24. Satu Program **Lawatan ke Produk Pelancongan Tidak Berdaftar bagi GP4D Daerah Seremban** telah diadakan pada 16 Ogos 2023. Lawatan ini melibatkan beberapa kawasan di mukim Broga & Lenggeng. Hasil pemantauan oleh pihak MBS mendapati produk pelancongan tersebut tidak mempunyai kelulusan lesen perniagaan daripada pihak Majlis dan tidak memenuhi syarat-syarat kebenaran merancang.
25. Di antara produk pelancongan dan kini mendapat sambutan di Sedremban adalah **Inap Dusun/Agro Pelancongan**. Pembangunan Inap Dusun yang tidak terkawal boleh memberi impak negatif kepada persekitaran dan membahayakan keadaan sosial masyarakat setempat. Ketiadaan garis panduan yang jelas telah memberi pelbagai implikasi seperti berikut:-
  - I. Lokasi pembangunan Inap Dusun yang tidak sesuai iaitu terletak berhampiran Kawasan Pemuliharaan Alam Sekitar khususnya Hutan Simpan.
  - II. Ketidakcukupan kemudahan asas dan infrastruktur seperti tempat letak kereta, tempat ibadat garai, dan kawasan lapang awam.
  - III. Kacau ganggu terhadap pembangunan sekitar Inap Dusun yang dibina di dalam kawasan penempatan / perumahan dan kampung.

26. Terima Kasih juga saya ucapkan kepada Jabatan & Agensi yang terlibat dan bekerjasama dalam sama-sama menjayakan lawatan ini,

SUMBER : JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

### **PELAPORAN UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)**

#### **MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA TRANSFORMASI PBT – “EASE OF DOING BUSINESS” BERSAMA PBT RINTIS**

27. Pada 9 Ogos 2023, Tuan Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban dan Ketua Unit Pusat Setempat (OSC) telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Transformasi PBT – “**Ease of Doing Business**” bersama PBT Rintis yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bagi cadangan penambahbaikan dan pengukuhan kecekapan proses dan prosedur kelulusan pelan pemajuan.
28. Majlis Bandaraya Seremban telah terpilih antara 10 PBT rintis berdasarkan input dari MIDA berkaitan dengan bilangan Lesen Pengilang (*Manufacturing Licence*) yang dikeluarkan di kawasan MBS. Ini adalah penting dalam memastikan pelaksanaan inisiatif ini terutama yang berkaitan dengan inisiatif *Industrial Green Lane* boleh dilaksanakan bagi memproses permohonan perindustrian
29. Penetapan dasar dan hala tuju cadangan penambahbaikan proses dan prosedur bagi mempercepat serta memendekkan tempoh masa

kelulusan kebenaran merancang dan lain-lain permohonan pelan pemajuan sehingga ke peringkat CCC melalui tiga inisiatif:

Inisiatif 1 : pengukuhan Prosedur kebenaran Merancang,

Inisiatif 2 : Penambahbaikan OSC 3.0 Plus, dan

Inisiatif 3 : Penambahbaikan Tatacara MPFN

30. Hasrat kerajaan kepada PBT rintis adalah ketersediaan dan kerjasama semua pihak yang terlibat, pelaporan secara berkala kepada JKT dan mematuhi tatacara serta syarat inisiatif yang ditetapkan.

SUMBER : UNIT OSC

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

## **PELAPORAN UNIT INTEGRITI**

31. Baru-baru ini, Kerajaan Negeri Sembilan telah mengeluarkan peringatan kepada semua agensi kerajaan di bawah kerajaan negeri berhubung dengan larangan penjawat awam menerima dan memberi hadiah kepada pihak yang mempunyai hubungan rasmi. Sehubungan dengan itu, saya ingin memberi peringatan kepada semua pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban supaya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan sebagaimana dalam Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban (Kelakuan Dan Tatatertib) 1998.
32. Berdasarkan Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban (Kelakuan Dan Tatatertib) 1998 dinyatakan adalah seperti berikut;

## **Peraturan 8.**

- I. Seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberi hadiah secara langsung atau tidak langsung jika hadiah itu mempunyai kaitan dengan perlaksanaan tugas pegawai itu dalam Majlis dan juga jika bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud pemberian itu.
- II. Ketua Jabatan boleh membenarkan seseorang pegawai menerima surat pujian sempena persaraan atau pertukarannya dengan syarat tidak terkandung dalam bekas yang bernilai.
- III. Ketua Jabatan boleh membenarkan pungutan sumbangan bagi maksud penyampaian kepada seseorang pegawai sempena persaraan, pertukaran, perkahwinan pegawai tersebut, perkahwinan anak pegawai tersebut atau sempena acara-acara lain yang sesuai.
- IV. Jika seseorang pegawai berasa ragu-ragu tentang bentuk, amaun atau nilai hadiah itu sepadan dengan maksud pemberian dan sukar bagi dirinya menolak penerimaan itu, hadiah itu boleh diterima secara rasmi tetapi pegawai itu hendaklah dengan segera mengemukakan laporan bertulis yang lengkap kepada Ketua Jabatan.
- V. Apabila laporan diterima, Ketua Jabatan dikehendaki memutuskan sama ada membenarkan pegawai itu menyimpan

hadiah tersebut atau mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan kepada pemberinya melalui Ketua Jabatan.

SUMBER : UNIT INTEGRITI

## **PELAPORAN UNIT AUDIT DALAM**

33. Unit Audit Dalam sentiasa bersedia menjalankan semakan dan pengauditan yang merangkumi pemeriksaan dalaman bagi membantu mempertingkatkan pengurusan kewangan dan akauntabiliti di semua jabatan serta memastikan semua peraturan dan arahan yang berkaitan dipatuhi.
34. Untuk Makluman semua, Laporan audit MBS yang sedang berjalan ialah ;
  - I. Pemeriksaan Mengejut AP 308 & 309.
  - II. Pengauditan Terhadap Pengurusan Program Bandar Selamat Oleh Jabatan Audit Negara.
  - III. Audit Pematuhan Garis Panduan Pasar Sejahtera Oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.

SUMBER : UNIT AUDIT DALAM

## **PENUTUP**

YBhg. Dato' Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

35. Bersempena dengan bulan Kebangsaan yang masih berlangsung sehingga Hari Malaysia pada 16 September 2023, saya mengharapkan MBS juga dapat menganjurkan program berkenaan Hari Kebangsaan bagi mendekatkan diri dengan warga bandar raya dan memupuk semangat cinta akan negara tanpa mengira perbezaan agama dan kaum.
36. Pada masa yang sama, saya berharap segala isu atau aduan dapat diselesaikan dan diambil tindakan segera. Sebagai warga kerja MBS kita perlu bertindak pantas berkenaan sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku agar perkara ini tidak perlu tular sehingga dapat menjelaskan imej Majlis.
37. Akhir kata, saya berharap warga kerja MBS akan sentiasa terus menumpukan usaha dalam menambahbaik dan memajukan Bandaraya Seremban untuk membawa manfaat kepada warga Bandaraya. Gerak kerja yang dilaksanakan oleh setiap warga MBS sememangnya menyumbang kepada kejayaan MBS dari pelbagai aspek lebih-lebih lagi kepada kesejahteraan warga Bandaraya Seremban.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
5 SEPTEMBER 2023**